

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

SURAT PEKELILING PTPTN BILANGAN 5 TAHUN 2005

**PEMBERHENTIAN KEMUDAHAN PINJAMAN PENDIDIKAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR
BARU PERINGKAT SIJIL POLITEKNIK, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa PTPTN tidak lagi menyediakan kemudahan pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar baru peringkat Sijil yang melanjutkan pengajian di Politeknik-Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pemberhentian ini dibuat setelah mengambilkira kedudukan kewangan PTPTN yang terhad serta kemudahan penajaan untuk pelajar-pelajar di bawah program ini akan diuruskan sepenuhnya oleh Bahagian Biasiswa, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

2. Pengurusan pinjaman untuk pelajar-pelajar peringkat Sijil yang sedia ada akan diteruskan sehingga urusan pembayaran balik pinjaman diselesaikan oleh pelajar.

3. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2005.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' OTHMAN BIN JUSOH)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Tarikh: 27 Jun 2005